

# BN boleh bentuk kerajaan

BN 12 Ogos 1990

Oleh MAHFAR ALI

JITRA, Khamis — Barisan Nasional (BN) dapat membentuk kerajaan dan mentadbir negara dengan baik kerana ia mengemukakan barisan calon yang dinamik dan bermutu dalam setiap pilihanraya umum, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, BN tidak pernah ketandusan calon berwibawa, sebaliknya mutu barisan calonnya sentiasa meningkat pada setiap kali pilihanraya diadakan.

Bercakap kepada pemberita selepas mengemukakan kertas pencalonannya di Bilik Gerakan Pejabat Daerah Kubang Pasu di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, barisan calon BN menggabungkan pemimpin yang berkelulusan tinggi serta ahli politik yang cekap dan berwibawa.

"Kita tidak sukar mencari calon, tetapi masalahnya kita mempunyai terlalu ramai orang yang berkelulusan tinggi dan cekap dalam politik," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, hasil pentadbiran kerajaan BN yang dinamik inilah yang berjaya meletakkan Malaysia di tangga

kelima dalam senarai 135 negara membangun yang mencapai pembangunan membanggakan.

"Sekarang kedudukan negara kita mungkin lebih tinggi kerana empat negara yang teratas menghadapi masalah berikutan krisis minyak, sebaliknya ekonomi negara kita tidak terjejas," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mempersoalkan bagaimana gabungan pembangkang hendak membuat perubahan dan menggantikan kerajaan, sedangkan mereka tidak boleh bekerjasama sebelum dapat membentuk kerajaan.

"Dalam Kabinet kita mesti duduk satu meja untuk berunding. Takkan Tengku Razaleigh hendak panggil satu pihak dulu dan kemudian panggil pihak yang lain," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, penubuhan Gagasan Rakyat tajaan Semangat 46 dan DAP serta perpecahan dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) jelas membuktikan gabungan pembangkang tidak boleh bekerjasama.

Menurutnya, BN memang sudah lama menjangka APU akan berpecah kerana anggotanya mempunyai kepentingan peribadi.